

**Muhyiddin Makan Malam Bersama Komponen BN Bukit Bintang**  
**Bername**  
**January 9, 2012**

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menghadiri majlis makan malam bersama anggota parti komponen Barisan Nasional (BN) kawasan Parlimen Bukit Bintang di Pusat Khidmat Masyarakat parlimen itu di sini.

Pada majlis yang dihadiri 250 jemputan itu, Muhyiddin, yang juga Pengerusi BN Wilayah Persekutuan, turut menyampaikan sumbangan 10 buah kerusi roda serta wang tunai RM200 kepada 20 orang terdiri daripada warga emas, orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal dan fakir miskin.

Majlis anjuran Umno bahagian Bukit Bintang itu turut dihadiri Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal, Ketua Umno bahagian Bukit Bintang Datuk Seri Azim Mohd Zabidi dan Bendahari Agung MCA Datuk Seri Tan Chai Ho.

Muhyiddin kemudiannya dibawa melawat bilik operasi Umno bahagian Bukit Bintang dan mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan yang diadakan secara tertutup.

---BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=638911>